

Khidmat dakwah bersama Orang Asli

94 mahasiswa

USIM ikuti

program

enam hari

di Maran



LENSA
KAMPUS

Oleh Fauziah Hassan

rencana@media-
prima.com.my

Seramai 94 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terpilih melaksanakan program Khidmat Dakwah USIM bersama Masyarakat Orang Asli (BAKTI USIM 2013) di Kampung Orang Asli Sungai Jempul, Maran Pahang, baru-baru ini.

Program enam hari itu memperkenalkan empat modul iaitu Modul Dakwah dan Kepimpinan, Modul Pendidikan Fardhu Ain/ Pemb-



MAHASISWA USIM tidak mahu melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama-sama.

ngunan Pendidikan, Modul Kesihatan dan Modul Keusahawanan kepada masyarakat Orang Asli terbabit.

Program ini dikoordinasikan Fakulti Kepimpi-

nan dan Pengurusan dengan kerjasama Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia USIM (SPMM) dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (PMFKP), Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Islam Pahang (MUIP), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Pejabat Agama Islam Daerah Maran (PAID Maran).



MENEROKA pengalaman tarian sewang.